



SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN FASA KEDUA BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

1. Bilakah tarikh pembayaran fasa kedua Bantuan Prihatin Nasional (BPN) B40 & M40 akan dibuat?

Pembayaran fasa kedua secara pengkreditan terus ke akaun bank akan dibuat secara berperingkat seperti berikut:

Kategori & Pendapatan Bulanan	B40 Isi Rumah RM4,000 ke bawah	B40 Bujang RM2,000 ke bawah	M40 Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000	M40 Bujang RM2,001 hingga RM4,000
Jumlah Bantuan BPN	RM1,600	RM800	RM1,000	RM500
Fasa Pembayaran	April: RM1,000 Mei: RM600	April: RM500 Mei: RM300	April: RM500 Mei: RM500	April: RM250 Mei: RM250
Tempoh Bayaran Fasa Kedua	4 hingga 13 Mei 2020		13 hingga 15 Mei 2020	
Pembayaran Permohonan Baharu dan Rayuan BPN	15 hingga 20 Mei 2020			

2. Berdasarkan semakan status BPN, saya berstatus lulus dan layak bayaran fasa pertama. Walau bagaimanapun, mengapakah semakan semula di Portal BPN mendapati status BPN saya telah bertukar kepada tidak layak?

Semakan semula status BPN telah bertukar kepada Tidak Layak disebabkan alasan berikut:

Alasan Tidak Layak	Penerangan
Duplikasi permohonan	Permohonan suami dan isteri telah diluluskan secara berasingan.
Pemohon / pasangan mempunyai syarikat	Semakan mendapati pemohon / pasangan mempunyai syarikat berdasarkan data agensi (SSM). Walau bagaimanapun, pemohon boleh memohon Geran Khas Prihatin (GKP) melalui https://gkp.hasil.gov.my jika berkelayakan.
Pendapatan melebihi kelayakan	Semakan data agensi mendapati pendapatan Bujang / Isi Rumah melebihi kelayakan.
Menetap luar negara	Pemohon berada di luar negara.

3. Sekiranya semakan semula permohonan BPN saya adalah Tidak Layak, bagaimanakah status pembayaran fasa pertama saya?

Anda hanya tidak layak untuk menerima pembayaran fasa kedua. Sekiranya pembayaran fasa pertama belum ditunaikan, penunaian boleh dilakukan di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020.

4. Bilakah pembayaran BPN bagi Permohonan Baharu dan Rayuan akan dilakukan?

Pembayaran BPN bagi Permohonan Baharu dan Rayuan akan dibayar sekaligus **mulai 15 hingga 20 Mei 2020**.

5. Saya berstatus bujang tetapi mempunyai perniagaan pemilikan tunggal. Berapakah kelayakan BPN saya?

Jika anda bertatus bujang dan tiada sumber pendapatan penggajian tetapi mempunyai perniagaan pemilikan tunggal sahaja, kelayakan BPN anda adalah sebanyak RM500.

6. Saya merupakan penerima BPN M40 yang belum menerima bayaran dan ingin membuat kemaskini maklumat akaun bank di e-Kemaskini. Walau bagaimanapun, saya gagal untuk mendapatkan No Pin e-Filing. Bagaimanakah kaedah pembayaran BPN saya?

Bagi penerima BPN yang tidak mempunyai akaun bank atau gagal mengemaskini atau gagal kredit ke akaun yang didaftarkan, pembayaran akan dibuat secara penunaian di kaunter BSN **mulai 15 Mei 2020** berdasarkan Nombor Siri yang dipaparkan di Portal BPN.

Disediakan pada 3 Mei 2020.